



**KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN BANK
MUAMALAT MALAYSIA BERHAD
(KOPUTRA)**

ATURAN ATURAN TABUNG TAHFIZ KOPUTRA

**ATURAN AKTIVITI TABUNG TAHFIZ KOPUTRA
KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD
(KOPUTRA)**

SUSUNAN ATURAN AKTIVITI TABUNG TAHFIZ KOPUTRA

- 1. Nama**
- 2. Definisi**
- 3. Tujuan**
- 4. Modal Operasi dan Sumber Kewangan**
- 5. Pentadbiran Tabung Tahfiz Anggota**
- 6. Kelayakan Untuk Sumbangan Disalurkan**
- 7. Pembayaran**
- 8. Penggantungan Derma**
- 9. Tahun Kewangan**
- 10. Audit**
- 11. Makluman Kepada Mesyuarat Agung**
- 12. Pindaan Aturan**
- 13. Pertikaian**

1. Aturan ini dinamakan Aturan-Aturan Tabung Tahfiz KOPUTRA bagi menjalankan aktiviti kebajikan Anggota Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Bhd (KOPUTRA) agar berjalan dalam keadaan teratur dan difahami oleh anggota koperasi.

Nama

Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil perkara 66. 2 (d) koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas diluluskan pada Mesyuarat Agung Pewakilan dan pengetahuan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

2. Bagi tujuan dokumen ini, definisi berikut adalah diguna pakai :-

Definisi

“Anggota” ertinya mana-mana orang yang telah diterima menjadi anggota koperasi ini serta telah menjelaskan sumbangan-sumbangan dan fi yang telah ditetapkan mengikut syarat-syarat keanggotaan koperasi ini;

“Koperasi” ertinya Koperasi Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA);

“ALK” ertinya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik oleh Mesyuarat Agung;

“UUK” ertinya Undang-Undang Kecil Koperasi Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA);

“Biro ” ertinya satu jawatankuasa atau kumpulan yang dilantik oleh ALK bagi memantau atau menguruskan aktiviti koperasi ini (KOPUTRA);

“Eksekutif” ertinya seseorang kakitangan yang dilantik oleh pengurus, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain lembaga dan termasuk Pengurus Besar Koperasi atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh lembaga, peraturan atau perintah atau undang-undang kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan koperasi ini;

“Aturan” maknanya Aturan-aturan Tabung Tahfiz KOPUTRA;

“Derma” ertinya sumbangan atau pemberian wang secara ikhlas yang dikeluarkan dari Tabung Pusat Tahfiz mengikut aturan-aturan ini.

“Pusat Tahfiz” ertinya pusat pengajian agama yang sah disisi undang-undang.

"Potongan Gaji" ertinya membuat potongan gaji keatas anggota yang bersetuju membuat bayaran derma kepada KOPUTRA untuk aktiviti tabung pusat tahfiz KOPUTRA.

"Koperasi" ertinya Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA);

- | | |
|---|--|
| 3. Tujuan aturan Aktiviti Tabung Tahfiz KOPUTRA adalah:- | Tujuan |
| <ul style="list-style-type: none">i. Membantu anggota untuk melaksanakan aktiviti derma kepada masyarakat.ii. Bagi menjalankan semangat ukhwah dan keprihatian dikalangan anggota koperasi.iii. Selari dengan prinsip koperasi untuk memberi sumbangan kepada masyarakat. | |
| 4. Kewangan bagi Tabung Tahfiz KOPUTRA adalah diperolehi dari :- | Modal Operasi
dan Sumber
Kewangan |
| <ul style="list-style-type: none">i. Potongan bulanan anggota minima RM10.00ii. Sumbangan peruntukan daripada keuntungan bersih KOPUTRA sebanyak 0.5%iii. Sumbangan daripada mana-mana individu atau organisasi | |
| Potongan Gaji bulanan anggota tertakluk kepada syarat berikut :- | |
| <ul style="list-style-type: none">i. Anggota KOPUTRA digalakkan membuat potongan bulanan namun mana-mana anggota yang tidak bersetuju perlu menghantar surat mohon pembatalan.ii. Anggota KOPUTRA bukan islam tidak akan dibuat potongan gaji, dimana mereka dikecualikan.iii. Sekiranya ahli keluarga anggota ingin menyertai sumbangan bulanan ini boleh dibuat potongan melalui anggota melalui borang yang akan disediakan. | |
| 5. Tabung Tahfiz KOPUTRA ini hendaklah ditadbir oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) atau Biro atau pegawai yang diberi kuasa boleh menimbang dan meluluskan sesuatu. Laporan tabung ini perlu dibentang dalam Mesyuarat Biro atau Mesyuarat Lembaga Koperasi. | Pentadbiran
Tabung Tahfiz
Anggota |

6. ALK dan Biro diberi kuasa boleh menimbang dan meluluskan sesuatu cadangan atau permohonan tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- i. Pusat Tahfiz yang disahkan oleh pihak berkuasa.
- ii. Perakaun Pendaftaran masih berkuatkuasa (tidak tamat).

**Kelayakan
Untuk
Sumbangan
Disalurkan**

Kategori sumbangan yang akan disalurkan seperti berikut :-

- i. Perbelanjaan pembinaan bangunan, infrastruktur, peralatan dan keperluan yang diperlukan.
- ii. Perbelanjaan operasi pusat tahfiz.
- iii. Perbelanjaan pentadbiran pusat tahfiz.

7. Bayaran akan dibuat selepas mendapat kelulusan dari ALK atau Biro yang telah dilantik oleh Anggota Lembaga Koperasi.

Pembayaran

8. Pengeluaran derma terhad kepada jumlah kedudukan Tabung Tahfiz pada sesuatu masa. Jika tabung ini mengalami kemerosotan wang, maka ALK boleh menggantung aktivitinya sehingga kesulitan kewangan ini dapat diatasi. Anggota koperasi hendaklah diberitahu melalui surat-surat pekeliling, email, sms dan pelbagai cara memberitahu penggantungan dan pemulihan semula Tabung Pusat Tahfiz KOPUTRA.

**Penggantungan
Derma**

9. Tahun Kewangan Tabung Tahfiz KOPUTRA ini hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir 31 Disember tiap-tiap tahun..

**Tahun
Kewangan**

10. Akaun Tabung Tahfiz KOPUTRA ini hendaklah diaudit dan disemak bersekali dengan lain-lain akaun Koperasi ini setahun sekali.

Audit

11. ALK hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan laporan mengenai aktiviti Tabung Tahfiz KOPUTRA ini serta membuat cadangan untuk memajukannya.

**Makluman
kepada
Mesyuarat
Agung
Tahunan**

12. Anggota Lembaga Koperasi KOPUTRA akan diberi mandat atau dibenarkan untuk meminda sebarang syarat dalam Aturan-Aturan

Pindaan Aturan

Tabung Pusat Tahfiz dari semasa ke semasa berdasarkan kepentingan KOPUTRA dan mengikut kedudukan kewangan Koperasi.

Keputusan Mesyuarat Anggota Lembaga dalam menentukan kadar bantuan yang boleh diberikan adalah muktamad.

Lembaga hendaklah membentangkan untuk makluman anggota-anggota koperasi di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi. Laporan-laporan mengenai aktiviti dan rancangan bagi masa-masa yang akan datang untuk diterima dan diluluskan.


13. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-Undang Kecil 81 (1)

Pertikaian

Diakui aturan ini telah dibentangkan, dibincangkan dan diterima di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPUTRA Kali Ke 33 pada 27 April 2019.


.....
Hj. Zaharuddin Bin Alias
Pengerusi


.....
Sazali Bin Sajidin
Setiausaha


.....
Hj. Saifulzaman Bin Ahmad
Bendahari